

24 JUL 2001

Rais-Akta

AKTA PENDAFTARAN PESALAH-PESALAH AKAN DIPINDA

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Kerajaan sedang menimbang untuk meminda Akta Pendaftaran Pesalah-pesalah bagi memasukkan profil DNA yang lebih menyeluruh mengenai penjenayah dan mereka yang disyaki penjenayah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim berkata penguatkuasa yang kini hanya bergantung kepada cap ibu jari dan foto.

"Malaysia memerlukan kemudahan ini secepat mungkin berdasarkan kepada kejadian jenayah yang berlaku kebelakangan ini," katanya kepada pemberita selepas melawat Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) di sini hari ini.

Rais berkata profil DNA penjenayah dan mereka yang disyaki melakukan kesalahan akan dilakukan dengan menggunakan darah, rambut dan serat kulit serta yang lain.

Mengenai cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi memastikan tidak ada diskriminasi antara jantina di negara ini, beliau berkata pindaan itu akan menyertakan jantina, selain agama, kumpulan masyarakat dan status dalam Perkara 8(2) Perlembagaan.

Perkara mengenai jantina telah dimasukkan ke dalam semua instrumen antarabangsa termasuk hak-hak politik seperti yang diperakui oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, katanya.

Menurut beliau pindaan Perlembagaan itu sekaligus menyertakan Malaysia di kelompok negara-negara yang mengiktiraf hak mana-mana jantina dalam pemberian sebarang habuan atau kepentingan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata pindaan perlembagaan itu untuk menentukan wanita memperoleh hak yang sama seperti lelaki daripada segi dasar dan undang-undang negara.

Mengenai ILKAP, Rais berkata, institut itu akan berpindah ke bangunan baru yang terletak di Seksyen 15 Bandar Baru Bangi, Oktober ini.

ILKAP yang ditubuhkan pada 1993 telah melatih hampir 10,000 pegawai undang-undang, hakim dan pegawai pendakwa.

-- BERNAMA

MHI NZ MAI